

30/08/2001

Sikap prejudis kuota Bumiputera perlu dikikis

Hasliza Hassan

MASYARAKAT perlu menukar fahaman yang menggambarkan seolah-olah peluang yang diberikan pelajar Melayu ke institut pengajian tinggi awam (IPTA) kini atas ihsan kuota bukan berdasarkan pencapaian mereka.

Pensyarah Kanan Fakulti Sebaran Am, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Datuk Dr Hamdan Adnan, berkata ini kerana IPTA sudah lama mengamalkan dasar pengambilan pelajarinya bersandarkan pencapaian cemerlang pelajar bukan mengikut kaum.

Beliau berkata, pelajar juga sedar dan mengakui prasyarat untuk melanjutkan pelajaran ke universiti adalah lulus cemerlang sebagaimana yang ditetapkan dalam syarat utama kemasukan.

"Jangan pandang rendah orang Melayu kerana ini memberi gambaran tidak baik kepada bangsa lain konon orang Melayu terlalu mengharap bantuan dalam segala hal termasuk untuk ke universiti.

"Siapa kata kita ambil pelajar tidak layak sekadar memenuhi kuota, itu adalah fahaman prejudis yang ditanam dalam jiwa mereka, bukan hakikat sebenar. Tiba masa tanggapan seperti itu dibuang.

"Memang kita (Melayu) sibuk fasal kuota sebab kita kluatir tidak cukup tempat di universiti bukan tidak cukup pelajar yang layak kerana ramai pelajar kita mempunyai kelulusan baik," katanya.

Hamdan berkata, pengumuman yang dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai meritokrasi bukan bertujuan merendahkan imej pelajar Melayu, tetapi sebagai ingatan mereka jangan mengambil mudah peluang yang ada kerana universiti bukan tempat membuang masa atau berpolitik, tetapi untuk menimba ilmu pengetahuan.

Beliau berkata, seruan seumpama itu sudah lama dibuat PM dan beliau hanya mengulangnya sebagai mengukuh gesaan pelajar memandang serius peluang belajar yang diberikan kerajaan.

Mengenai diadakan perjanjian antara pelajar dan kerajaan untuk hanya belajar, Hamdan bersetuju ia dilaksanakan kerana tugas utama pelajar adalah belajar bukan sibuk dengan kegiatan yang boleh menjejaskan pelajaran.

"Fikirlah, jika tidak belajar mereka bukan saja membazirkan wang kerajaan tetapi juga masa. Lagipun sekarang adalah masa persaingan untuk mengejar kecemerlangan dan jika tidak lulus bagaimana mereka hendak bersaing?" katanya.

Beliau juga mencadangkan universiti menyediakan kegiatan kurikulum yang memberi manfaat, selain mampu menarik minat pelajar kerana di samping menimba ilmu mereka memerlukan ruang untuk menyampaikan fikiran.

"Kita tidak mahu nanti yang dihasilkan oleh universiti adalah robot bukan anak bangsa yang terdidik dan bijaksana. Ini juga perlu diberi perhatian," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Malaya (UM), Prof Datuk Anuar Zaini Mohamed Zain mahu perdebatan terbuka mengenai pencapaian akademik pelajar Melayu di institusi pengajian tinggi perlu dihentikan segera kerana ia hanya memalukan bangsa itu.

Sebaliknya, beliau berkata semua pihak termasuk pemimpin, cendekiawan dan masyarakat Melayu keseluruhannya perlu berbincang dan merangka strategi untuk menyelesaikan masalah itu serta mengembalikan martabat bangsa.

"Apa yang harus kita lakukan ialah memikirkan cara menyelesaikannya dengan rancangan atau strategi tertentu, bukan melaung-laungkannya kerana

ibarat meludah ke langit, kena muka sendiri.

"Kita sudah sedia maklum buruknya keadaan kita sekarang," katanya di UM baru-baru ini, sambil menambah soal pencapaian akademik pelajar Melayu terlalu digembar-gemburkan secara terbuka sehingga menimbulkan pelbagai kesan negatif, sedangkan tiada usaha bersungguh-sungguh dilakukan bagi memperbetulkannya.

Beliau berkata, walaupun pencapai akademik pelajar Melayu sekarang dipersoalkan, hakikatnya ia jauh lebih baik berbanding pencapaian pada zaman sebelum pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Katanya, sebelum pelaksanaan DEB, jumlah pelajar Melayu yang dapat melanjutkan pelajaran ke IPT dalam dan luar negara adalah kecil dan terdiri daripada golongan tertentu atau elit saja.

"Tetapi, keadaan itu berubah selepas DEB dilaksanakan dengan ribuan pelajar dari semua peringkat masyarakat Melayu berpeluang melanjutkan pelajaran di dalam dan luar negara menerusi pelbagai program," katanya.

Bagaimanapun, Anuar mengakui prestasi pelajar, khususnya pelajar Melayu di IPT tempatan kini tidak memuaskan.

Katanya, perangkaan serta hasil kajian menunjukkan perbezaan antara prestasi pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera begitu ketara sekali.

"Bagi pelajar Bumiputera, tiga permasalahan utama yang dihadapi ialah pelajar Melayu kurang cemerlang berbanding bukan Melayu, pelajar Bumiputera perempuan lebih berjaya daripada pelajar Bumiputera lelaki dan pelajar Bumiputera dari luar bandar adalah golongan paling lemah sekali pencapaiannya," katanya.

Dalam pada itu, Timbalan Presiden II, Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaya (MPPUM), Rozaidi Ishak, berpendapat isu pengambilan pelajar berdasarkan kecemerlangan adalah perkara lapuk kerana dasar itu sudah lama diamalkan.

Sebagai contoh katanya, selain pengambilan pelajar, pengurusan UM menetapkan hanya pelajar cemerlang diberikan penempatan di kolej universiti.

Katanya, pelajar UM juga sejak awal lagi sudah mengikat perjanjian dengan pihak universiti menerusi bacaan ikrar yang memperakui diri sebagai pelajar yang bertanggungjawab kepada universiti.

"MPPUM berpendapat apa yang dikatakan Perdana Menteri sebagai ingatan semula bertujuan mengingatkan pelajar dan kami menyambut baik seruan beliau," katanya.

Rozaidi berkata, sekiranya dasar itu ingin dijadikan sebagai undang-undang, pelaksanaannya perlu diperhalusi supaya hasilnya nanti benar-benar berpihak kepada pelajar, selain dapat mempertingkatkan bidang pendidikan negara.

Beliau juga meminta kerajaan menggunakan pendekatan bersifat kekeluargaan apabila ingin melaksanakan peraturan baru supaya ia dapat diterima dengan hati terbuka oleh semua lapisan masyarakat.

"Kita melihat Dr Mahathir sebagai bapa dan pelajar adalah anak. Oleh itu, apa juga yang hendak dilakukan oleh bapa biarlah menguntungkan anak," katanya.

Sementara itu, Presiden Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Ahmad Fadzli Yusuf melahirkan kebimbangan berikutan pengumuman Perdana Menteri untuk melaksanakan dasar meritokrasi bagi pengambilan pelajar ke universiti.

Katanya, masih banyak perkara yang perlu dikaji dan dipandang serius sebelum tindakan radikal diambil, umpamanya mendapatkan fakta jelas berhubung senario pendidikan pelajar Melayu.

Antaranya, tahap kesedaran serta sikap ibu bapa dan guru dalam menerapkan nilai tinggi terhadap kepentingan ilmu juga perlu diperbetulkan sesuai dengan perubahan dunia era globalisasi.

"Bagi orang tua di kampung tahap tertinggi dalam pelajaran ialah setakat Tingkatan Lima dan selepas itu mereka lebih suka anak bekerja bagi membantu keluarga," katanya.

Beliau berkata, Gabungan Presiden Majlis Perwakilan Pelajar yang bersidang di Universiti Malaysia Sabah, Mei lalu, bersetuju mengkaji punca kemerosotan pelajar di universiti, termasuk pembabitan mereka dalam politik atau disebabkan sikap tidak bersungguh-sungguh.

Katanya, GPMS sedang merangka modul untuk menganjurkan program yang membolehkan siswa universiti berinteraksi dengan pelajar sekolah untuk memberi gambaran jelas mengenai kehidupan di universiti.

"Kami berharap Kementerian Pendidikan dapat memberi ruang supaya cadangan ini dapat dilaksanakan dan pelajar ditanam dengan fahaman baru bahawa dalam menimba pengetahuan kecemerlangan bukan setakat Tingkatan Lima, tetapi berterusan," katanya.

(END)